

 A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG

 We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Peses, Persisi sedia calonkan jurulatih

Berita Harian, 4 March 1994, Page 20

 Article also available on Microfilm Reel NL19442

[Printer-Friendly Page](#)

Peses, Persisi sedia calonkan jurulatih

Oleh

YUSOFF A. RAHMAN

PERSEKUTUAN Sepak-takraw Amatur Singapura (Peses) dan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) sedia mencalonkan jurulatih-jurulatihnya untuk Anugerah Latihan Jurulatih Majlis Sukan Singapura (SSC).

Di bawah skim anugerah yang diumumkan semalam

 [Scroll to Top](#)

itu, jurulatih yang terpilih oleh SSC berpeluang mengikuti latihan di luar negara untuk tempoh beberapa minggu sehingga setahun.

Walaupun SSC menetapkan tiga syarat, antaranya ialah calon perlu menjadi jurulatih berjaya sekurang-kurangnya tiga tahun, ia sekadar garis panduan saja.

Apabila dihubungi, setiausaha Agung Perses, Abdul

Halim Kader, berkata:

"Perses sedia mencalonkan jurulatihnya. Tetapi buat masa ini, kami tidak fikir akan berbuat demikian kerana jurulatih seperti Said Yusof harus membuat persiapan skuad Singapura ke Sukan Asia Hiroshima Oktober ini.

"Oleh kerana ini adalah skim tahunan, Perses sedia menimbangkannya tahun depan. Said selaku jurulatih na-

sional adalah antara calon yang boleh diketengahkan."

Setiasuaha Persisi, Sarkawai Masom, pula berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan mencalonkan jurulatih-jurulatihi.

Beliau menyebut dua jurulatih nasional, Hussein Kaslan dan Hosni Ahmad.

"Jika terpilih, mereka boleh dihantar ke Indonesia," beliau memberitahu.

Syed Abdul Kadir, jurulatih pasukan tinju nasional yang telah berkhidmat sejak 1976, mengalu-alukan anugerah tersebut yang disifatkan kena pada masanya bagi mengiringi matlamat Keberlangan Sukan 2000.

Turut mengalu-alukan anugerah itu ialah ketua jurulatih bolasepak kumpulan usia 14 tahun, Seis Senan.